

“Peduli” atau sinonimnya “endah” dapat didefinisikan sebagai “menaruh minat atau perhatian terhadap sesuatu”.




LUPUSNYA SENSITIVITI REMAJA

PERNAHKAH anda menonton iklan yang menyentuh hati banyak warga Malaysia suatu ketika dahulu lakonan Adlin Aman Ramlie tentang lelaki yang mementingkan diri sendiri dan tidak mahu memberikan tempat duduknya di dalam pengangkutan awam LRT kepada wanita mengandung dan lelaki buta? Dengan berpura-pura tidur, watak Adlin cukup membuatkan kita berasa malu, marah dan melabelkannya sebagai orang yang tidak bertimbang rasa. Hal sebegini sebenarnya tidak asing lagi dalam masyarakat hari ini, lebih-lebih lagi dalam kalangan remaja. Situasi remaja tidak mepedulikan tanda yang terpampang di dalam kenderaan awam mengenai keutamaan memberikan tempat duduk kepada warga tua, wanita mengandung, dan orang kurang upaya menjadi pemandangan yang kerap kita saksikan dewasa ini. Isu ini timbul mungkin disebabkan kurangnya rasa kepedulian remaja terhadap masyarakat di sekeliling mereka.

"Peduli" atau sinonimnya "endah" dapat definisikan sebagai "menaruh minat atau perhatian terhadap sesuatu". Dalam konteks kemasyarakatan, sikap peduli remaja terhadap orang lain amat penting diwujudkan dalam diri mereka

bagi membendung mereka daripada melakukan sesuatu yang menyalahi norma kehidupan atau tidak meletakkan mereka sebagai insan yang wajar dihormati. Sebagai contoh, dewasa ini banyak remaja yang ingin menjadi "jaguh" motosikal di jalan raya sehingga memaksa masyarakat menggelar mereka "mat rempit" atau "samseng jalanan". Tindakan remaja yang mengubahsuai motosikal dan berlumba secara haram, terutama di kawasan perumahan, jelas menunjukkan kurangnya rasa peduli remaja terhadap ketenteraman awam. Kadangkala kita dapat melihat perlakuan remaja yang seakan-akan tidak peduli dengan nyawa mereka sendiri apabila menunggang motosikal dengan pelbagai aksi berbahaya di jalan raya. Perkara ini bukan sahaja dapat membahayakan diri remaja itu sendiri, tetapi juga pengguna jalan raya yang lain yang jelas menunjukkan rasa tidak peduli remaja terhadap nyawa orang lain yang tidak berdosa. Terdapat segelintir remaja yang sengaja membuat bising dengan motosikal mereka apabila melewati kawasan perumahan pada waktu lewat malam tanpa menghiraukan orang ramai yang sedang tidur untuk berehat.

Bagi golongan remaja perempuan pula, tindakan mereka memakai pakaian



menjolok mata, sama ada di tempat awam ataupun di laman sosial, menunjukkan ketidakpedulian mereka bukan sekadar terhadap pandangan masyarakat, malah keselamatan mereka sendiri. Dengan kewujudan aplikasi seperti Instagram, gambar peribadi semakin mudah untuk dikongsi oleh remaja kini. Sememangnya hak berpakaian milik peribadi, namun perlu diingat bahawa tidak mustahil perkara ini akan menjadi provokasi jika remaja tidak peduli dengan mata yang memandang kepada diri sendiri. Selain tidak sopan, situasi ini jelas menunjukkan ketidakmatangan remaja dalam meletakkan nilai terhadap diri mereka melalui pemakaian begini yang biasanya dianggap terlalu rendah. Di samping itu, aksi kurang sopan yang ditonjolkan dalam gambar untuk tatapan umum dalam laman sosial oleh para remaja dapat mencerminkan peribadi sebenar remaja berkenaan, seperti yang dikatakan oleh pepatah Inggeris, iaitu "sekeping gambar lebih

bernilai daripada 1000 perkataan". Kehidupan bermasyarakat menuntut remaja untuk mengambil kira batas yang telah digariskan mengenai perkara yang dapat dikongsi dan yang tidak dapat dikongsi dengan masyarakat. Hal ini hanya dapat direalisasikan sekiranya remaja memiliki rasa peduli terhadap pandangan masyarakat tentang perbuatannya.

Peribahasa mengatakan "yang kurik itu kendi, yang merah itu saga; yang cantik itu budi, yang indah itu bahasa". Namun, begitu, realitinya kini banyak remaja yang terpengaruh dengan budaya Barat yang kononnya mengamalkan persamaan taraf dalam masyarakat pelbagai lapisan umur sehingga rasa hormat terhadap golongan yang lebih tua kian terhakis. Perkara ini dapat dilihat melalui percakapan remaja dengan guru malah ibu bapa mereka sendiri. Tutur kata mereka kadangkala terlalu kasual sehingga dapat dianggap kurang ajar. Kepedulian mereka terhadap perbezaan umur dan taraf seolah-olah tidak lagi wujud.

Selain itu, kata berunsur lucah dan mencarut juga seakan-akan tidak malu untuk dipertontonkan oleh remaja pada pakaian atau barangan lain yang digunakan dalam khalayak. Mereka juga tanpa segan silu menghamburkan perkataan, kurang sopan di laman sosial, seperti Facebook dan Twitter. Remaja kini jelasnya tidak peduli dengan implikasi percakapan mereka yang tidak sopan yang mungkin dapat mencetuskan reaksi negatif, termasuklah pergaduhan dan salah sangka.

Etika ketika menggunakan telefon juga tidak diamalkan apabila panggilan telefon berbunyi di lokasi yang tidak sepatutnya, seperti di panggung wayang atau tempat ibadat. Perbuatan telefon dengan nada suara yang kuat oleh remaja di tempat awam turut dapat menarik perhatian umum serta mencetuskan rasa tidak selesa orang lain.

Hilangnya sensitiviti dan kesedaran sivik menyebabkan remaja tidak peduli dengan pandangan serta perasaan masyarakat di sekeliling mereka. Mereka terlalu asyik dengan



Gambar 1
Media sosial menjadi salah satu pemangkin yang menyebabkan remaja semakin leka dan mengabaikan interaksi.

Gambar 2
Hubungan dua hala kini hanya berlaku melalui maya yang mengakibatkan banyak nilai utama ditinggalkan.

dunia mereka sendiri sehingga menganggap orang lain sebagai tidak penting. Isu ini, terutamanya, terjadi kepada golongan remaja yang tidak dapat berenggang dengan alat teknologi dan peralatan elektronik mereka, lebih-lebih lagi yang memiliki akses internet. Fenomena tidak memperdulikan kehadiran orang lain di sekeliling sering kali dipaparkan dalam iklan televisyen, terutama menjelang musim perayaan. Dalam iklan berkenaan, golongan muda digambarkan sebagai individu yang hanya memperdulikan alat teknologi mereka tanpa mewujudkan sebarang komunikasi dengan ahli keluarga mereka ketika berkumpul. Dalam perkara ini, warga tua sering menjadi mangsa ketidakpedulian remaja kerana mereka komuniti yang kurang pengetahuan mengenai penggunaan peralatan elektronik dan kewujudan mereka sering tidak dihiraukan walaupun mereka ada di hadapan mata. Hal ini menunjukkan bahawa remaja tidak langsung berasa sensitif terhadap perasaan

golongan sebegini yang sebenarnya memerlukan lebih perhatian.

Sikap peduli terhadap orang lain dan keadaan sekeliling dapat disemai sekiranya wujud rasa empati dalam diri remaja. Sapora Sipon, dalam bukunya *Pengenalan Kaunseling Kelompok*, menjelaskan bahawa istilah "empati" merujuk "kebolehan merasai dan mengenal pasti perasaan orang lain". Rasa empati ini, antara lain, dapat menjadikan remaja individu peduli dengan kesusahan dan keperitan hidup orang lain. Dengan ini, remaja akan lebih melibatkan diri dengan aktiviti kemasyarakatan, seperti gotong-royong membersihkan kawasan yang dilanda banjir atau menghulurkan bantuan kewangan melalui kutipan derma. Empati dalam diri remaja juga dapat menjadikan mereka peka dengan tanggungjawab sosial mereka sebagai warganegara yang memiliki rasa simpati, belas kasihan dan sikap tolong-menolong. Pepatah Melayu banyak menentangahkan hal ini, seperti peribahasa "berat sama dipikul, ringan sama dijinjing" dan "bukit

sama didaki, lurah sama dituruni". Walau bagaimanapun, tidak banyak remaja yang secara sukarela mahu menyertai program berunsurkan khidmat masyarakat melainkan jika program tersebut diwajibkan oleh pihak kolej atau universiti masing-masing.

Remaja harus sedar bahawa hidup bermasyarakat memerlukan mereka mengambil tahu tentang keadaan sekeliling dan masyarakat sekitar agar remaja dapat menjadi insan yang cemerlang, bukan sahaja dari segi akademik, tetapi juga sahsiah diri. Kepedulian remaja terhadap masyarakat dapat menjadikan mereka lebih dihormati dan contoh kepada generasi yang lebih muda untuk melakukan perkara yang sama.

Dengan yang demikian, kehidupan di dunia ini akan menjadi lebih bermakna apabila setiap lapisan masyarakat saling memainkan peranan mereka untuk mewujudkan suasana harmoni dengan adanya rasa kepedulian antara satu sama lain. 📧